

POH KONG®

POLISI INTEGRITI / POLISI ANTIRASUAH

INTEGRITY POLICY / ANTI-CORRUPTION POLICY

**[SEKSYEN 17A, AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA (SPRM) 2009 [PINDAAN 2018]]**

***[SECTION 17A, MALAYSIAN ANTI-CORRUPTION COMMISSION
(MACC) ACT 2009[AMENDMENT 2018]]***

**POH KONG HOLDINGS BERHAD
[NO. SYARIKAT: 200201018476 (586139-K)]**

&

**ANAK-ANAK SYARIKATNYA
POH KONG HOLDINGS BERHAD
[COMPANY NO.: 200201018476 (586139-K)]**

&

ITS SUBSIDIARIES

Alamat / Address : 16 - 20, Jalan 52/4
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

No. Telefon / Phone No. : 03 - 7940 3333

No. Faks / Fax No. : 03 - 7957 2404

Laman Web / Website : <https://www.pohkong.com.my>

Tarikh Kuatkuasa / Enforcement Date : 01 JUN 2020 / 1st JUNE 2020

1. PENGENALAN - INTRODUCTION

- 1.1. Suapan & Rasuah merupakan Halangan Utama dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi sekaligus mengakibatkan **wujudnya penyelewengan dalam perniagaan Syarikat dan urusanniaga** yang dijalankan.

Bribery and Corruption subverts optimum socio-economic development and leads to unfair competition and distorted business practices.

- 1.2. Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya sentiasa komited bagi memastikan **Integriti** menjadi Nilai Asas Utama dan kekal sebagai Tonggak Budaya dalam mengukuhkan hubungan dan kepercayaan. Pengurusan Tertinggi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya juga sentiasa komited dalam memastikan **etika tingkah laku berada pada tahap tertinggi** dan pihak Syarikat mengharapkan semua Pekerja termasuklah Rakan Perniagaan dapat berkongsi nilai yang sama dalam setiap urusanniaga.

*Poh Kong Holdings Berhad and its Subsidiaries are fully committed to making **Integrity** the cornerstone of its business operations. It is a fundamental value and the basis upon which we must build our relationships. Each and every person within the organization is called upon to practice the highest moral and ethical standards and we expect all the Employees and Business Associates to apply these same ethical practices in all their business dealings.*

- 1.3. Selaras dengan kehendak Undang-Undang Malaysia khususnya di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Pindaan 2018]** dan **Akta Syarikat 2016**, Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya memberi perhatian penuh dan komited dalam mengekalkan etika kerja yang tertinggi serta memastikan tempat kerja sentiasa bebas daripada perlakuan / perbuatan yang menyalahi Undang-Undang di Malaysia terutamanya perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan.

Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries have invested in creating a workspace administrative framework where the standards of ethical and business practice are in full compliance with Malaysian Law especially the

Malaysia Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009 [Amendment 2018] and Companies Act 2016.

- 1.4. Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya sentiasa mengamalkan **Toleransi Sifar** terhadap segala bentuk perbuatan / kegiatan yang berkaitan dengan Rasuah, Suapan, Penyelewengan dan Penyalahgunaan Kuasa.

*Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries apply an overall **Zero Tolerance** approach to any act or activity that can be construed as Bribery, Corruption or Misuse of Power.*

- 1.5. Dengan demikian, Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya adalah komited untuk memiliki etika kerja yang bermutu tinggi dan **melarang keras mana-mana Pekerja Syarikat, Pembekal dan Ejen** terlibat dan/atau melakukan perbuatan berbentuk Rasuah & Suapan termasuklah melakukan apa-apa perbuatan mencurigakan dan / atau meragukan yang berkait rapat dengan kegiatan tersebut.

*Therefore, Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries are guided by a strong work ethic that **strictly prohibits its Employees, Suppliers and Agents** from engaging in any form of unethical behavior. Nor are they allowed to conduct themselves in a way that could give rise to the appearance or suspicion of misconduct.*

2. KUATKUASA / ENFORCEMENT

- 2.1. Polisi Integriti / Polisi Antirasuah ini adalah sah dan mulai berkuatkuasa pada tarikh **01 Jun 2020**.

*This Integrity Policy / Anti-Corruption Policy will be enforced beginning on **01st June 2020**.*

- 2.2. Berkuatkuasa pada tarikh 01 Jun 2020, Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya, Lembaga Pengarah Syarikat dan termasuklah Pengurusan Tertinggi adalah mempunyai **liabiliti atas kesalahan** melibatkan Suapan dan Rasuah tidak kira samada Pengurusan Tertinggi tersebut **mempunyai pengetahuan** ataupun sebaliknya terhadap perbuatan berbentuk Rasuah dan Suapan yang dilakukan oleh Pekerja atau Orang Bersekutu.

*Effective from **1st June 2020**, Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries, including its Directors and Senior Management will be **liable for any offence** relating to corruption and bribery, whether or not they have **actual knowledge** of any corrupt practice involving its Employees or Associated Person.*

- 2.3. Pihak Syarikat percaya bahawa Rasuah dan Suapan merupakan **suatu bentuk Kesalahan Jenayah** yang boleh menjejaskan reputasi dan nama baik Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya serta mengakibatkan kehilangan kepercayaan dalam kalangan Pelanggan.

*The Company views any act of corruption and bribery as **Criminal Offences** that will damage the image, goodwill, trust and reputation of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries among its customers.*

- 2.4. Pihak Syarikat percaya bahawa tindakan untuk memerangi Rasuah dan Suapan merupakan tindakan bersama, sekaligus Syarikat akan melaksanakan **Polisi Toleransi Sifar** ke atas setiap perbuatan berbentuk Rasuah dan Suapan.

*The Company is of the view that the fight to stem Bribery and Corruption requires collective action, and will exercise a **Zero Tolerance Policy** towards any form of Corruption and Bribery.*

- 2.5. Pihak Syarikat memahami tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam membendung kegiatan berbentuk Rasuah dan Suapan. Dengan demikian, setiap urusan yang dijalankan hendaklah dilaksanakan berlandaskan kepada Undang-Undang Pencegahan Rasuah Malaysia dan bersesuaian dengan nilai utama dan tonggak budaya yang diamalkan oleh Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya.

The Company understands its responsibilities in preventing any act of Bribery and Corruption. Therefore all business dealings must be conducted in accordance with the Anti-Gratification Law in Malaysia as well as the core fundamental values of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries.

- 2.6. Pihak Syarikat menerusi Penasihat Integriti akan terus berusaha untuk membaiki dan menaiktaraf Sistem Pengurusan Anti-Rasuah bagi mengurangkan kebarangkalian berlakunya perbuatan berbentuk Rasuah dan Suapan dalam Syarikat.

The Company through its Integrity Advisor will undertake a continuous improvement approach in implementing the Anti-Gratification and Anti-Corruption Management System to eliminate any possible incidents of Corruption and Bribery.

- 2.7. Setiap Pekerja hendaklah mempamerkan integriti yang tinggi dalam menghadapi kebarangkalian berlakunya Rasuah dan Suapan. Sikap jujur dan berani dalam membuat apa-apa bentuk pendedahan dan pengakuan merupakan amalan terbaik yang dilaksanakan oleh Syarikat.

Every Employee is expected to show the highest standards of integrity when faced with possible Bribery and Corruption situations. Honesty and courage in disclosing improprieties are regarded as best practice.

3. OBJEKTIF / OBJECTIVE

3.1. Objektif Polisi Integriti / Polisi Antirasuah ini dilaksanakan dan dikuatkuasakan adalah sepertimana berikut:-

The Objectives of the Integrity Policy / Anti-Corruption Policy are as follows:-

[a] Mengenal pasti mengenai tanggungjawab dan obligasi setiap Orang Bersekutu yang terlibat dengan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya;

Outline the responsibilities and obligations of every Associated Person of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries;

[b] Mengenal pasti mengenai setiap risiko berbangkit melibatkan Rasuah & Suapan serta peranan dan tanggungjawab bersama bagi menangani kegiatan tersebut;

Outline all the risks associated with Corrupt Practices, our shared responsibilities and our role in addressing these practices;

[c] Memberi maklumat, informasi dan panduan mengenai:-

Provide information and guidance relating to:-

(i) Tatacara Mencukupi yang perlu dikuatkuasakan bagi menangani perbuatan berbentuk Rasuah & Suapan;

Comprehensive Procedures to be put in place in preventing acts of Bribery and Corruption;

(ii) Kaedah bagi mengenalpasti cara untuk menangani kegiatan dan/atau perbuatan berbentuk Rasuah & Suapan tersebut.

Outline the procedures for identifying and dealing with any act of Bribery and Corruption.

- [d] Memastikan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya mematuhi kehendak Undang-Undang khususnya sepertimana yang dinyatakan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Pindaan 2018];
Ensure that Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries comply with the Relevant Law in Malaysia in particular the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009 [Amendment 2018];
- [e] Memastikan Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan Orang Bersekutu mematuhi Polisi Integriti / Polisi Antirasuah ini sekaligus terhindar daripada melakukan perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan;
Ensure that all Employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries and Associated Person comply with the Integrity Policy / Anti-Corruption Policy to prevent any incidence of Bribery and Corruption;
- [f] Bertindak sebagai asas **Tatacara Mencukupi** yang digunakan oleh Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dalam memastikan bahawa Syarikat termasuklah Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat dan Orang Bersekutu adalah tidak melakukan perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan dalam menjalankan tugasannya;
*Provide a **Comprehensive Process** that will be used by Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries to ensure all Employees and Associated Person are prevented from committing any act of Bribery and Corruption;*
- [g] Meningkatkan mutu kerja Individu dan meningkatkan produktiviti menerusi persekitaran kerja yang selamat dan sihat;
Increase the quality and productivity of an Individual by providing a safe and healthy working environment;

[h] Menggalakkan perniagaan yang dijalankan oleh Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dijalankan dalam persekitaran bebas Rasuah dan Suapan;

Ensure that business conducted by Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries are free from any act of Bribery and Corruption;

[i] Bertindak sebagai Satu (1) Mekanisma Seheniti Pencegahan bagi mengenalpasti, memahami dan menghindari perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan.

Act as a 'One-Stop' Mechanism that provides understanding and awareness to prevent any act of Bribery and Corruption.

4. DEFINISI / DEFINITION

4.1. **Rasuah** adalah merujuk kepada Perbuatan atau Tindakan sepertimana berikut:-

Corruption includes Acts and Actions as the following:-

[a] Memberi atau Menerima;

Giving or Receiving;

[b] Hadiah atau Ganjaran;

Gifts or Reward;

[c] Dalam bentuk Wang Tunai atau Jenis Nilai Tinggi;

In the Form of Cash or Kind;

[d] Kerana melaksanakan sesuatu Tugasan;

For Performing a Task;

[e] Berkaitan dengan pekerjaannya.

In relation to his or her job.

4.2. Sebagai tambahan, perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan juga ditakrifkan sepertimana berikut:-

In addition, an act of Bribery/ Corruption is defined as:-

RASUAH

CORRUPTION

- ❖ Tawaran Langsung atau Tidak Langsung untuk memberi atau menerima suapan atau apa-apa yang bernilai dengan niat mempengaruhi seseorang untuk mendapatkan atau mengekalkan sesuatu manfaat perdagangan, seperti mendapatkan urusanniaga baru, menyambung urusanniaga yang sedia ada atau untuk mendapatkan apa-apa kelebihan yang tidak wajar.

Direct or Indirect Offer of Gratification as an inducement for commercial benefit such as obtaining and retaining business or getting an unfair advantage.

SUAPAN

GRATIFICATION

- ❖ Selaras dengan peruntukan **Seksyen 2, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Pindaan 2018]**, Suapan ditakrifkan sebagai:-

In line with Section 2 of Malaysia Anti-Corruption Commission Act 2009 [Amendment 2018], Gratification is defined as:-

[a] Wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tidak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;

Money, donation, gift, loan, fee, reward, valuable security, property or interest in property being property of any description whether movable or immovable, financial benefit, or any other similar advantage;

[b] Apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;

Any office, dignity, employment, contract of employment or services, and agreement to give employment or render services in any capacity;

[c] Apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;

Any payment, release, discharge or liquidation of any loan, obligation or other liability, whether in whole or in part;

[d] Apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;

Any valuable consideration of any kind, any discount, commission, rebate, bonus, deduction or percentage;

[e] Apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;

Any forbearance to demand any money or money's worth or valuable thing;

[f] Apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan

Any other service or favour of any description, including protection from any penalty or disability incurred or apprehended or from any action or proceedings of a disciplinary, civil or criminal nature, whether or not already instituted, and including the exercise or the forbearance from the exercise of any right or any official power or duty; and

[g] Apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana Perenggan (a) hingga (f).

Any offer, undertaking or promise, whether conditional or unconditional, of any gratification within the meaning of any of the preceding paragraphs (a) to (f);

- 4.3. Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya adalah disifatkan sebagai melakukan kesalahan sekiranya **Orang Bersekutu** dengan **Organisasi Komersial** tersebut **memberi atau bersetuju untuk memberi atau berjanji untuk memberikan ganjaran** kepada mana-mana pihak bagi kepentingan orang tersebut untuk memperoleh kelebihan / keuntungan daripada urus niaga yang dijalankan atau mendapatkan perniagaan.

*Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries are deemed to have committed an offence if an **Associated Person** with the **Commercial Organization** corruptly ***gives or agrees to give or promises to give any person a gratification***, only for the benefit of that person to gain an unfair advantage in business deals or to obtain business.*

- 4.4. Berdasarkan kepada **Seksyen 17A (6), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Pindaan 2018]**, dinyatakan bahawa **Seseorang Itu Bersekutu** dengan **Organisasi Komersial** jika dia ialah:- ***Section 17A (6), Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009 [Amendment 2018], defines an Associated Person with a Commercial Organization as:-***

[a] Pengarah;

Directors

[b] Pekerja;

Employees

[c] Rakan kongsi;

Partners

[d] Ejen / Kontraktor / Pembekal / Pengedar / Rakan Usaha Sama

Agents / Contractors/ Suppliers / Distributors / Joint Venture Partners

- 4.5. **Organisasi Komersial** adalah merujuk kepada mana-mana Entiti di bawah **Akta Syarikat 2016, Akta Perkongsian 1961 atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012** yang menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain. Poh Kong Holdings Berhad termasuklah Anak-Anak Syarikatnya adalah merupakan Organisasi Komersial sepertimana yang ditetapkan oleh Undang-Undang di Malaysia.

*A **Commercial Organization** refers to any Entity under the **Companies Act 2016, Partnership Act 1961 or Limited Liability Partnership Act 2012** that has carried out business in Malaysia and elsewhere. Poh Kong Holdings Berhad together with Its Subsidiaries is a Commercial Organization as described by the Law in Malaysia.*

- 4.6. Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan Orang Bersekutu adalah dihalang sepenuhnya daripada melakukan perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan iaitu tidak boleh memberi dan/atau menerima Rasuah serta tidak boleh menggunakan Pihak Ketiga untuk melakukan perbuatan Rasuah / Suapan.

Poh Kong Holdings Berhad and its Subsidiaries and the Company's Associated Persons are totally forbidden from engaging in any act of Bribery / Corruption. This includes giving or accepting any Gratification or from using a Third Party to act on their behalf.

- 4.7. Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan Orang Bersekutu hendaklah menilai terlebih dahulu setiap tindakan yang dilakukan bagi memastikan setiap Keputusan, Perbuatan dan Transaksi yang dijalankan adalah bagi tujuan yang sah, sekaligus tidak wujud sebarang unsur melibatkan Rasuah / Suapan.

Employees of Poh Kong Holdings Berhad, its Subsidiaries and Associated Persons shall evaluate every action taken in order to ensure that there is a valid basis for every decision, action and transaction conducted with no element of Bribery or Corruption involved.

- 4.8. Bagi memastikan Objektif yang ditetapkan oleh Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dalam Polisi Integriti / Polisi Antirasuah ini dapat dicapai, **Penasihat Integriti** seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Pindaan 2018] **telahpun dilantik** berkuatkuasa pada tarikh 01 Julai 2020 (dirujuk sebagai “Penasihat Integriti”).

*In order to achieve the Objective laid down by Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries, this Integrity Policy / Anti-Corruption Policy stipulates that there be an **Integrity Advisor** appointed under Section 17A of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Amendment 2018] and he has **been appointed** by the Company starting 01st July 2020 (referred herein as “Integrity Advisor”).*

5. TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH POH KONG HOLDINGS BERHAD & ANAK-ANAK SYARIKATNYA / BOARD OF DIRECTORS OF POH KONG HOLDINGS BERHAD & ITS SUBSIDIARIES'S RESPONSIBILITIES

- 5.1. Lembaga Pengarah bagi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya telahpun memutuskan untuk **menguatkuasakan Polisi Integriti / Polisi Antirasuah** ini bagi memastikan peruntukkan Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Pindaan 2018] adalah dipatuhi sepenuhnya.

The Board of Directors of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries has decided to enforce this Integrity Policy / Anti-Corruption Policy in compliance with Section 17A, of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009 [Amendment 2018]

- 5.2. Lembaga Pengarah bagi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya, dalam memastikan segala kehendak Undang-Undang dan Peraturan berkaitan Anti-Rasuah dipatuhi, telahpun bersetuju untuk **melantik Penasihat Integriti** bagi memastikan Orang Bersekutu secara khususnya terhindar daripada melakukan perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan.

*The Board of Director of Poh Kong Holdings Berhad and its Subsidiaries, consistent with the Rules and Regulations relating to Anti-Gratification, has agreed to **appoint an Integrity Advisor** to specifically prevent any acts of bribery and corruption.*

- 5.3. Dalam mencapai Objektif yang terkandung dalam Polisi Integriti / Polisi Antirasuah ini, Lembaga Pengarah bagi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya sentiasa komited dalam menangani segala Risiko melibatkan Rasuah / Suapan yang wujud dalam syarikat bagi memastikan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat secara keseluruhannya adalah bebas rasuah.

To achieve the Objectives stated in the Integrity Policy / Anti-Corruption Policy, the Board of Directors of Poh Kong Holdings Berhad & Its

Subsidiaries will continuously be committed in assessing and addressing all risks that may lead to Bribery and Corruption within the company to ensure they remain free of bribery and corruption.

- 5.4. Memastikan bahawa setiap Individu samada **terlibat secara langsung ataupun tidak langsung** dengan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya (khususnya Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan Orang Bersekutu) tahu dan mempunyai pengetahuan berhubung pelaksanaan dan isi kandungan Polisi Integriti / Polisi Antirasuah ini.

*Ensure that every Individual either **directly or indirectly involved** with Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries (especially its Employees and Associates) are sufficiently aware and have knowledge of the Integrity Policy / Anti-Corruption Policy, its content and implementation.*

- 5.5. Mengambil tindakan sewajarnya ke atas setiap Laporan Audit, Laporan Penilaian Risiko, Prosedur Langkah Kawalan yang dikemukakan oleh Penasihat Integriti demi memastikan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya secara keseluruhannya adalah Bebas Rasuah.

Appropriate action to be taken on every Audit Report, Risk Assessments and Control Measures that have been suggested by the Integrity Advisor will be strictly adhered to by Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries with the sole purpose of keeping the company free from Bribery and Corruption.

- 5.6. Memastikan bahawa setiap pengambilan / lantikan Individu bagi memegang sesuatu jawatan dan memberi khidmat kepada Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya hendaklah selaras dengan prosedur yang telahpun ditetapkan. Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya hendaklah memastikan bahawa individu yang dilantik mempunyai **kelayakan dan pengalaman yang secukupnya** bagi memegang jawatan tersebut dan bebas daripada sebarang rekod jenayah.

Every Individual employed or service provider engaged by the company will be subject to all operating procedures. Poh Kong Holdings Berhad & Its

Subsidiaries must ensure that individuals appointed and entities engaged possess the necessary qualifications and experience and have no Criminal Record.

- 5.7. Segala maklumat-maklumat berkaitan hendaklah dikemukakan oleh individu tersebut sewaktu permohonan dikemukakan kepada Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan tiada Konflik Kepentingan yang wujud bagi pengambilan individu tersebut ke dalam syarikat.

Before the company appoints any individual there must be full disclosure made of all relevant information to Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries. There can be no Conflict of Interest which may jeopardise the Company.

6. TATACARA MENCUKUPI – *ADEQUATE PROCEDURE*

- 6.1. Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya akan melaksanakan Polisi Integriti / Polisi Antirasuah dan latihan Anti Rasuah yang akan disampaikan oleh Penasihat Integriti kepada setiap Pekerja di seluruh Organisasi Syarikat selaras dengan Prinsip [T.R.U.S.T].

Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries will conduct trainings and awareness raising about the company's Integrity Policy / Anti-Corruption Policy. The Integrity Advisor is charged with conducting comprehensive training sessions throughout the organization. This will be done in line with the Principle of [T.R.U.S.T].

PRINSIP 1: KOMITMEN PIHAK ATASAN (T)

First Principle: Top Level Commitment (T)

- 6.2. Pengurusan Tertinggi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya tekad untuk mengamalkan Tahap Integriti Tertinggi dengan menguruskan Risiko Rasuah dengan berkesan. Pendekatan tersebut mestilah bermula daripada Peringkat Atasan dan ke bawah sekaligus, setiap Peringkat Perjawatan dapat mematuhi arahan yang ditetapkan oleh pihak Syarikat.

Top Management of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries are determined to practice a High Level of Integrity by managing its Corruption Risk effectively. The approach calls for the Top Management to lead by example and practice the highest standards of integrity, and for such practice to flow downwards for each Level of Employment to adhere to the rules as set out by the Company.

- 6.3. Pelan tindakan yang dijalankan adalah merangkumi:-

Action plans carried out include:-

- [a] Program Pematuhan Anti Rasuah;
The Anti-Corruption Compliance Programme;
- [b] Mengenal pencegahan Rasuah sebagai sebahagian daripada Budaya Integriti;
Anti-Corruption measures are an integral part of the Integrity Culture;
- [c] Penggunaan Saluran Pelaporan (*Whistleblowing*) melalui Borang Google;
Use of the prescribed Whistleblowing reporting channels via Google Form Report (Whistleblowing).
- [d] Pelantikan orang yang Kompeten untuk Berfungsi dan bertanggungjawab sebagai Penasihat Integriti;
Appointment of a Competent Person to Function as an Integrity Advisor;
- [e] Kenal pasti Jawatankuasa Disiplin sebagai Garis Kuasa untuk mengawasi pematuhan;
To identify a Disciplinary Committee that draws up Lines of Authority to oversee compliance;
- [f] Melaporkan hasil audit, tinjauan penilaian risiko, sistem kawalan dan prestasi kepada Pengurusan Tertinggi dan Lembaga Pengarah melalui Mesyuarat EXCO, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) dan Mesyuarat Lembaga Pengarah.
The Top Management and Board of Directors of the Company will receive and review audits, risk assessments, control measures and performance at its regular Meetings, Board Meetings and Risk Management Committee [RMC] Meetings

6.4. Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan Orang Bersekutu hendaklah melaporkan apa-apa perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan yang disyakinya telahpun dilakukan oleh mana-mana pihak yang mempunyai kaitan dengan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya kepada Penasihat Integriti selaras dengan **Polisi Pemberian**

Maklumat yang telahpun dikuatkuasakan oleh Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dengan kadar segera.

*Employees of the Company and Associated Persons must report any action or activity relating to Bribery and Corruption involving any party that has an association or relationship with Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries to the Integrity Advisor immediately. This is in accordance with the Company's current **Whistleblowing Policy**.*

- 6.5. Polisi Pemberian Maklumat merupakan Sistem Pengurusan Maklumat yang selamat dan ianya adalah selaras dengan **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010** di mana ianya memberi Jaminan kepada Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan Orang Bersekutu bahawa mereka tidak akan berada dalam keadaan bahaya daripada apa-apa bentuk gangguan, hukuman atau tindakan balas daripada pihak Syarikat atau mana-mana pihak daripada Pengurusan Atasan Syarikat atas maklumat yang diberikan **DENGAN SYARAT**, tiada niat jahat dan ketidakjujuran dalam memberikan laporan dan maklumat.
- The Whistleblowing Policy incorporates an Information Management System that is safe, with which has an assurance that an individual will not be victimised. This is in line with the Whistleblowers Protection Act 2010 which guarantees all Employees immunity and protection from any punishment or adverse action from the Company or Top Management of the Company for any information given, **PROVIDED** there is no ill will or malicious intent in giving that report or information.*
- 6.6. Segala laporan / maklumat berkaitan perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan **hendaklah dirujuk kepada Penasihat Integriti** bagi membolehkan penilaian dan semakan ke atas laporan / maklumat tersebut dibuat. Sekiranya wujud “*Prima Facie*” ke atas laporan / maklumat tersebut, Prosedur Siasatan dan Tindakan Disiplin akan dilaksanakan oleh Pengerusi Bebas Pihak Berkuasa Disiplin sewajarnya.
- All reports and information relating to act of Bribery/ Corruption must be referred to the Integrity Advisor for review and evaluation. If the report /*

information seems a Prima Facie case, then further Investigation and Disciplinary Action will follow, conducted by the Independent Chairman of the Disciplinary Authority.

- 6.7. Kegagalan untuk melaporkan perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan adalah bercanggah dengan peruntukkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Pindaan 2018] dan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya menerusi **Pengerusi Bebas Pihak Berkuasa Disiplin** mempunyai kuasa mutlak untuk menjalankan Siasatan & Tindakan Tatatertib ke atas mana-mana Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya atau Orang Bersekutu yang disyaki melakukan perbuatan tersebut.

*Failure to report an act of Bribery / Corruption contravenes the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009 [Amendment 2018]. Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries through an **Independent Chairman of the Disciplinary Authority** will investigate and take disciplinary action against any Employee of the Company or Associated Person found responsible.*

PRINSIP 2: PENILAIAN RISIKO (R)

Principle 2: Risk Assessment (R)

- 6.8. Lembaga dan Pengurusan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya menerapkan langkah-langkah yang ketat bagi faktor-faktor berisiko untuk mengatasi perbuatan berbentuk Rasuah dan Suapan.

The Board and Management of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries will put strict measures in place to counter risk factors that could lead to acts of Bribery and Corruption.

- 6.9. Lembaga dan Pengurusan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya akan membuat **Penilaian Risiko Secara Menyeluruh** sekurang-kurangnya sekali bagi setiap Tiga (3) Tahun.

*The Board and Management of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries will conduct a **Comprehensive Risk Assessment** exercise at least once in every Three (3) Years.*

6.10. Semua Penilaian Risiko adalah berdasarkan faktor-faktor sepertimana berikut:-

All the risk assessments are based on the following:-

[a] Peluang – Merujuk kepada setiap urusan Pembelian yang boleh meningkatkan peluang berlakunya Rasuah dan Suapan;
Opportunities - Applicable to every purchase that opens up the risk of corruption and financial misdemeanor.

[b] Urus niaga Kewangan;
Financial transactions;

[c] Kegiatan perniagaan di sektor yang mempunyai risiko rasuah yang lebih tinggi;
Business activities in sectors that pose a higher corruption risk;

[d] Ketidapatuhan pihak luar yang bertindak bagi pihak Syarikat;
Non-compliance from external parties that act on behalf of the Company;

[e] Hubungan dengan Pihak Ketiga dalam rantaian pembekalan [rujuk kepada ejen, peniaga, kontraktor dan pembekal] yang cenderung mendedahkan Syarikat kepada perbuatan berbentuk Rasuah dan Suapan.
Third Parties within the supply chain (including agents, vendors, contractors and suppliers) who are likely to expose the Company to acts of Corruption and Financial Misdemeanor.

6.11. Setiap Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan Orang Bersekutu hendaklah memahami Polisi Integriti / Polisi Antirasuah ini dan tahu tentang tanggungjawab mereka. Dengan demikian, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk:-

Every Employee of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries and Associated Persons must understand the Integrity Policy / Anti-Corruption Policy and their roles and responsibilities as follows:-

[a] Membuat Penilaian Risiko ke atas kemungkinan berlakunya perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan dalam setiap jabatan dan tugas atau tanggungjawab mereka seharian;

Conduct Risk Assessments relating to any possible act of Bribery / Corruption that may occur in their department or in the course of their duties;

[b] Mengambil langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi menangani / mengelakkan risiko tersebut selaras dengan nasihat perundangan yang diberikan oleh Penasihat Integriti;

Take relevant action to prevent or avoid any risk based on advice given by the Integrity Advisor;

[c] Menangani isu membabitkan perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan dengan cara yang munasabah dan beretika iaitu dengan melaksanakan:-

Take preventive measures against Bribery / Corruption based on ways that are reasonable and ethical such as:-

(i) Pelan Mitigasi Risiko Rasuah / Suapan;
Bribery/Corruption Risk Mitigation Plan;

(ii) Laporan Risiko Rasuah / Suapan;
Bribery/Corruption Risk Report;

(iii) Melaporkan Risiko Rasuah / Suapan kepada Penasihat Integriti menerusi kaedah yang ditetapkan;

Report any existing risk relating to Bribery / Corruption to the Integrity Advisor based on the prescribed procedure;

(iv) Melaksanakan Pelan Pemantauan bagi memantau risiko kemungkinan berlakunya perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan di Jabatan, Tempat Kerja dan dalam melaksanakan tugas seharian;

Implement a Bribery/Corruption Risk Monitoring Plan to prevent the possible risk of acts of Bribery/Corruption in any Department, Work Place and in daily work conduct;

(v) Proses Penilaian Risiko Rasuah hendaklah dijalankan secara berkala.

Conduct regular Bribery/Corruption Risk Evaluation.

PRINSIP 3: MENJALANKAN LANGKAH-LANGKAH KAWALAN (U)
Principle 3: Undertake Control Measures (U)

6.12. Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya akan membentuk **Jawatankuasa Pencegahan Rasuah** yang akan melaksanakan Langkah-Langkah Pengendalian Risiko sepertimana berikut:-

The Board and Management of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries will establish an Anti-Corruption Committee to implement risk control measures as follows:-

[a] Saluran Pemeriksaan dan Saluran Pelaporan [Pemberi Maklumat];

Due diligence and reporting channel (whistleblowing);

[b] Dasar Anti Rasuah dan Suapan;

A General Anti Bribery and Corruption Policy;

- [c] Perisytiharan Konflik Kepentingan;
Declaration of Conflict of interest;
- [d] Kawalan Kewangan yang Ketat;
Strict Financial Controls;
- [e] Kawalan Bukan Kewangan yang Ketat;
Strict Non-Financial Controls;
- [f] Menguruskan dan memperbaiki segala kekurangan berbangkit;
Managing and improving any inadequacies arising;
- [g] Pemantauan Kerangka Kerja;
Monitoring Framework;
- [h] Penyimpanan rekod;
Record Keeping;
- [i] Melaksanakan Akujanji yang akan digunapakai oleh semua Pembekal supaya pihak Pembekal faham, tahu dan patuh akan Polisi Integriti / Polisi Antirasuah bagi mencegah Rasuah dan Suapan;
Undertaking Letter by all suppliers stating they understand, are aware and will comply with the Integrity Policy / Anti-Corruption Policy to prevent Bribery and Corruption.

6.13. Bagi pihak Pembekal yang akan berurusanniaga dengan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya, Jawatankuasa Integriti hendaklah menjalankan proses pemeriksaan sepertimana berikut:-

For suppliers that enter into dealings with Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries, the Integrity Committee is required to conduct due diligence including:-

- [a] Pemeriksaan latar belakang;
Background checks

[b] Pengesahan dokumen;

Document verification

[c] Lakukan temu bual (jika perlu).

Interviews (if necessary)

6.14. Saluran Pelaporan [Pemberi Maklumat] mestilah:-

The Reporting/Whistleblowing channel must be:-

[a] Boleh diekses & dirahsiakan;

Accessible & confidential;

[b] Boleh dinilai oleh Pihak Dalaman dan Luaran;

Assessable by Internal and External parties;

[c] Memberi Kebenaran kepada Pemberi Maklumat untuk memberi Maklumat dan Laporan dengan Niat Baik;

Allow whistleblowers to give information and report in good faith;

[d] Memastikan kerahsiaan kandungan.

Ensure confidentiality of the content.

6.15. Hasil / Dapatan daripada Penilaian Risiko Rasuah yang diberikan oleh Penasihat Integriti hendaklah dijadikan sebagai asas untuk mewujudkan **Sistem Proses dan Kawalan** yang akan digunapakai oleh Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya untuk menangani dan mengurangkan risiko terdedahnya kepada Rasuah / Suapan khususnya ke atas perniagaan Syarikat.

The recommendation of the Integrity Advisor should be used as a basis for Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries to create the System of Checks and Balances for preventing any risk of Bribery and Corruption.

6.16. Bagi urusan melibatkan Pihak Ketiga, proses **Semakan Terperinci** hendaklah dijalankan terlebih dahulu sebelum suatu urusan dilaksanakan oleh Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya. Semakan tersebut hendaklah merangkumi **latar belakang Pihak Ketiga** (sama ada Individu mahupun Entiti Perniagaan) dan **dokumentasi yang dikemukakan mestilah sah dari segi Undang-Undang**. Pihak Ketiga hendaklah tahu dan diterangkan mengenai Polisi Integriti / Polisi Antirasuah yang dilaksanakan ini.

*A rigorous **Evaluation Process** must be conducted before Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries enter into any dealings or business with a Third Party. This must cover the **Third Party's background** (either Individual or Business Entity) and **all documentation tendered must be Legal**. All Third Parties must be conversant with the Company's Integrity Policy / Anti-Corruption Policy.*

6.17. Dokumentasi, Perjanjian, Invois, Surat Menyurat dan segala Rekod membabitkan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya (termasuklah perniagaannya) hendaklah disimpan dengan sempurna oleh Individu yang dipertanggungjawab oleh Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya. Tiada sebarang dokumen yang boleh diselindung, diubah, dipinda atau dimusnahkan tanpa mendapat Kelulusan secara bertulis daripada Lembaga Pengarah bagi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya.

Documents, Agreements, Invoices, Correspondence and all Records relating to Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries (including its businesses) must be kept safely by an Individual appointed by the Company. No Changes, Amendments or disposal of that document can be made without the Written Approval of the Board of Directors of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries.

PRINSIP 4: SEMAKAN SISTEMATIK, PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN (S)
Principle 4: Systematic Review, Monitoring and Enforcement (S)

- 6.18. Jawatankuasa Pencegahan Rasuah bagi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya akan melaksanakan Kajian, Pemantauan dan Penguatkuasaan yang sistematik dan merangkumi perkara-perkara sepertimana berikut:-

Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries' Anti-Corruption Committee will conduct a Systematic Review, Monitoring and Enforcement that includes:-

- [a] Perlaksanaan Program yang merangkumi skop, kekerapan dan kaedah Tinjauan;

Implementation of a Programme which covers the scope, frequency and methods of review;

- [b] Mengenalpasti Individu yang kompeten / layak dan mampu untuk menubuhkan Fungsi-Fungsi Pematuhan dalam pelaksanaan Audit Dalaman Syarikat;

Identification of competent and qualified persons for setting up of a Compliance Function to perform Internal Audit;

- [c] Penilaian dan Penambahbaikan secara berterusan setelah pemeriksaan dijalankan;

Continued Evaluation and Improvements after each Review;

- [d] Membuat Pemantauan Prestasi;

Performance Monitoring;

- [e] Menjalankan Audit Luaran sekurang-kurang sekali bagi setiap Tiga (3) Tahun;

Conduct of an External Audit at least once every Three (3) Years;

[f] Menjalankan Prosiding Tindakan Tatatertib sekiranya wujud Ketidapatuhan;

Disciplinary Action Proceedings for Non-Compliance.

PRINSIP 5: LATIHAN DAN KOMUNIKASI (T)

Principle 5: Training and Communication (T)

6.19. Menerusi Sistem Komunikasi dan Latihan yang berterusan, setiap Pekerja Syarikat dan Orang Bersekutu akan lebih memahami risiko yang berkaitan dengan perbuatan berbentuk Rasuah dan Suapan dan memahami sepenuhnya tindakan yang diambil oleh Pengurusan Tertinggi Syarikat dalam menangani Rasuah dan Suapan.

Through continuous communication and training every Employee and Associated Person would have a clear understanding of the risk and acts associated with Bribery and Corruption, and Top Management's approach to dealing with it.

6.20. Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Pindaan 2018] akan dimasukkan ke dalam Buku Panduan Pekerja dan Laman Web Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya. Sebagai tambahan, setiap Pekerja tanpa mengira Peringkat Perjawatan akan menjalani latihan samada secara atas talian ataupun menggunakan kaedah lain.

Section 17A, Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009 [Amendment 2018] will be included in the Employee's Handbook and internal website of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries. In addition, Employees at all levels will be required to undergo training provided by the Company, either online or other suitable methods.

6.21. Pihak Syarikat akan memasukkan Polisi Integriti / Polisi Antirasuah ini ke dalam Laman Web Rasmi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya untuk rujukan Umum.

This Integrity Policy / Anti-Corruption Policy will be made available to the Public on the official website of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries.

- 6.22. Bagi memastikan Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan Orang Bersekutu secara khususnya tahu dan sentiasa didedahkan dengan Prosedur Anti-Rasuah yang dilaksanakan oleh Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya, maka **Program dan Latihan secara berkala** hendaklah dijalankan oleh Penasihat Integriti antaranya adalah sepertimana berikut:-

*Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries will conduct the following **Programme and Training sessions** for Employees and Associated Persons on the Company's Anti-Corruption approach and procedures:-*

- [a] Program & Latihan melibatkan Prosedur Pemberian Maklumat dan Laporan mengenai perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan;

Training and Programme relating to Procedures for Whistleblower and Report relating to Bribery / Corruption;

- [b] Program & Latihan bagi meningkatkan kawalan terhadap Risiko Rasuah yang wujud dalam jabatan dan urusan yang dijalankan dalam syarikat;

Training and Programme relating to control and mitigation of Gratification Risk in respective departments and Company dealings;

- [c] Program Induksi bagi menerapkan Nilai-Nilai Anti Rasuah dalam kalangan Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan Orang Bersekutu.

Induction Programme on inculcating Anti-Bribery values among Employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries and Associates..

- 6.23. Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan Orang Bersekutu hendaklah tahu dan memahami segala isi kandungan Polisi Integriti / Polisi Antirasuah ini dan dikehendaki untuk mengambil bahagian serta terlibat dalam setiap Program / Latihan Anti-Rasuah yang dijalankan.

All Employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries and Associated Persons must understand and comply with the Integrity Policy / Anti-Corruption Policy and participate in any Anti-Gratification Programmes and Training provided by the Company.

- 6.24. Segala bentuk Program dan Latihan Anti-Rasuah yang dijalankan perlulah dinilai bagi memastikan keberkesanan Program dan Latihan tersebut sekaligus memastikan tiada sebarang perlakuan berbentuk Rasuah / Suapan dilakukan oleh Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan Orang Bersekutu mahupun pihak-pihak yang terlibat dengan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya.

The Anti-Gratification Training & Programme must continually be evaluated to determine their efficacy in preventing Bribery and Corruption among Employees and Associated Persons of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries.

7. PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH – *GIVING & RECEIVING GIFTS*

7.1. Pemberian dan Penerimaan Hadiah yang dikaitkan dengan **Tugasan Rasmi** bolehlah menjerumus kepada suatu bentuk Penyalahgunaan Kuasa dan boleh ditafsirkan sebagai suatu bentuk Rasuah / Suapan.

*Giving or Accepting any kind of Gift that is related to **Official Duty** and can lead to the Abuse of Power is seen as an act of Bribery / Corruption.*

7.2. Hadiah atau Ganjaran adalah merangkumi:-

Gift or Reward includes:-

[a] Wang Tunai;

Cash;

[b] Hadiah dalam jenis;

Gifts in Kind;

[c] Saham;

Shares;

[d] Tawaran diskaun;

Discount offers;

[e] Kemudahan Melancong;

Travelling Facilities;

[f] Perbelanjaan Hiburan;

Entertainment Expenses;

[g] Keahlian Kelab;

Club Membership;

[h] Apa-apa bentuk Komisen dan Hamper;
Any form of Commission and Hampers;

[i] Barang Kemas;
Jewellery;

[j] Barang Hiasan.
Decorative Items.

7.3. Bagi meningkatkan integriti dan imej Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya, maka Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan Orang Bersekutu adalah **DIHALANG / DILARANG** daripada menerima dan memberi Hadiah sekiranya ianya adalah **berkaitan dengan Pelaksanaan Tugas Rasminya**. Dalam **Keadaan-Keadaan Khas sahaja** Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya atau Orang Bersekutu dibenarkan untuk menerima Pemberian Hadiah dan ianya tertakluk kepada Kelulusan Lembaga Pengarah.

*In order to maintain the integrity and reputation of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries, Employees are **STRICTLY PROHIBITED** from giving or accepting any Gift **in relation to their official job description**. However, **only under Exceptional Circumstances**, are Employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries are allowed to accept a Gift subject to Approval by the Board of Directors.*

7.4. **Keadaan-Keadaan Khas** antaranya adalah sepertimana berikut:-
Special Circumstances are as follows:-

[a] Pemberian Hadiah adalah tidak berkaitan dengan Tugas Rasmi;
Giving of a Gift that has no relation to Official Duty;

[b] Pemberian Hadiah adalah tergolong dalam kategori Pemberian Hadiah Yang Sukar Ditolak sepertimana berikut:-

Giving of a Gift that falls under the Hard to Reject category such as:-

(i) Pemberian Hadiah oleh pihak Penganjur atas Seminar, Kursus atau Majlis Rasmi yang dihadiri;

A Gift by an Organizer for attending Training or an Official Ceremony;

(ii) Pemberian Kraftangan atau Bahan Bercetak yang berkaitan Pemberi atas kehadiran ke dalam sesuatu Majlis, Kursus atau Seminar.

Gift of Handicraft or Printed Material by the Giver for attending any Ceremony, Course or Training.

[c] Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan Orang Bersekutu dibenarkan untuk menerima Hadiah dan hendaklah dengan kadar segera **melaporkan dan mengisytiharkan Pemberian Hadiah** tersebut kepada Lembaga Pengarah, Penasihat Integriti atau mana-mana Individu yang dilantik bagi mengendalikan perkara ini.

*Acceptance of gifts by Employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries and Associated Persons is allowed provided they **declare and report the Gift Acceptance** immediately to the Board of Directors, Integrity Advisor or any party appointed to deal with the matter.*

7.5. Poh Kong Holdings Berhad [termasuklah Anak-Anak Syarikatnya] hendaklah menyenarai **Garis Panduan** bagi Pekerja Syarikat daripada menerima Wang Tunai dan apa sahaja yang berkaitan dengannya dalam Memo Dalaman yang dikeluarkan oleh pihak Syarikat dan sepertimana yang dinyatakan di bawah:-

Guidelines for gifts in cash and kind for Employees of Poh Kong Holdings Berhad [and its Subsidiaries] are indicated in an Internal Memo issued by the Company and as stated below:-

[a] Hadiah Berbentuk Wang:-

Monetary Gratification:-

- (i) Eksekutif : Dilarang
Executive Prohibited
- (ii) Pengurus : Dilarang
Manager Prohibited
- (iii) Pengarah : Dilarang
Director Prohibited

[b] Hadiah (dalam semua bentuk):-


Gift (in all forms):-

- (i) Eksekutif : Pengisytiharan mengenai Jumlah Hadiah
Executive **hendaklah dibuat** kepada Penasihat Integriti atau pihak yang dilantik oleh Syarikat. Penasihat berhak untuk mengarahkan supaya Hadiah itu dikembalikan kepada Pemberi.
***Must** be declared to Integrity Advisor or party appointed by the Company. The Integrity Advisor has the authority to order the return of the gift.*
- (ii) Pengurus : Pengisytiharan mengenai Jumlah Hadiah
Manager **hendaklah dibuat** kepada Penasihat Integriti atau pihak yang dilantik oleh Syarikat. Penasihat berhak untuk mengarahkan supaya Hadiah itu dikembalikan kepada Pemberi.
***Must** be declared to Integrity Advisor or party appointed by the Company. The Integrity Advisor has the authority to order the return of the gift.*
- (iii) Pengarah : Pengisytiharan mengenai Jumlah Hadiah
Director **hendaklah dibuat** kepada Penasihat Integriti atau pihak yang dilantik oleh Syarikat. Penasihat berhak untuk mengarahkan supaya Hadiah itu dikembalikan kepada Pemberi.
***Must** be declared to Integrity Advisor or party appointed by the Company. The Integrity Advisor has the authority to order the return of the gift.*

- 7.6. Semua Pengisytiharan Mengenai Hadiah hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Disiplin bagi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya menerusi Borang Google bagi tujuan semakan.
*All Declarations regarding Gifts must be submitted via Google Form for review by the **Disciplinary Committee of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries.***
- 7.7. **Jawatankuasa Disiplin** mempunyai bidang kuasa untuk mengkaji semula Hadiah dan tujuan Pemberian Hadiah tersebut sebelum memutuskan samada Hadiah tersebut boleh diterima ataupun tidak. Sekiranya diputuskan bahawa Hadiah tersebut hendaklah ditolak, maka Penerima Hadiah tersebut hendaklah mengembalikan semula Hadiah tersebut kepada Pemberi.
*The **Disciplinary Committee** has the authority to review the Gift and Intention of that Gift before deciding to approve or reject it. If the gift is rejected, the receiving party must return it to the sender.*
- 7.8. Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya atau Orang Bersekutu adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memberitahu dan menerangkan kepada mana-mana pihak yang berurusan dengan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya mengenai **Larangan Penerimaan dan Pemberian Hadiah** ini pada setiap masa yang difikirkan sesuai dan munasabah.
Employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries and Associated Persons are responsible for explaining the Company's policy and approach on Gifts to any party dealing with the Company.
- 7.9. Sekiranya terdapat mana-mana pihak berhasrat atau cuba memberikan Hadiah kepada Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya atau Orang Bersekutu, **Laporan Secara Bertulis** hendaklah dikemukakan kepada Penasihat Integriti atau mana-mana Individu yang dilantik bagi mengendalikan perkara ini dengan kadar segera. Setelah

penilaian dan semakan dibuat, pemberian Hadiah tersebut hanya boleh diterima sekiranya ianya tergolong dalam Keadaan-Keadaan Khas.

*Employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries or Associated Persons who are offered a Gift must immediately submit a **Written Report** to the Integrity Advisor or any party appointed to deal with the matter. Following an evaluation the Gift can be accepted provided it falls under the Special Circumstances Category.*



7.10. Sekiranya Pemberian Hadiah tersebut langsung tidak tergolong dalam Kategori Keadaan-Keadaan Khas sepertimana yang dinyatakan dalam Klausula 7.4 (a) dan (b) di atas, maka mana-mana Pekerja Poh Kong

Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya atau Orang Bersekutu hendaklah **MENOLAK / TIDAK MENERIMA** dengan cara yang baik Pemberian Hadiah tersebut tanpa menjejaskan nama baik dan reputasi Syarikat.

*If the Gift does not fall under the Special Circumstances Category as stated in Clause 7.4 (a) and (b) above, Employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries or Associated Persons **MUST POLITELY REJECT** the gift without damaging the Company's good name and reputation.*

- 7.11. Sekiranya terdapat Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya atau Orang Bersekutu yang disyaki menerima atau memberi sebarang bentuk Hadiah kepada mana-mana pihak, maka Pengerusi Pihak Berkuasa Disiplin mempunyai bidang kuasa untuk menjalankan Prosiding Tindakan Disiplin.

If an Employee or Associated Person of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries is suspected of giving or accepting any kind of Gift, the Chairman of the Disciplinary Authority has the right to institute Disciplinary Action.

8. PENDEDAHAN MAKLUMAT & LAPORAN – *DISCLOSURE OF INFORMATION & REPORT*

- 8.1. Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya sentiasa berusaha untuk memastikan setiap Pekerja **melaporkan sebarang kegiatan berbentuk Rasuah dan Suapan** yang dilakukan oleh Pengarah, Pekerja, Pegawai Pengurusan Syarikat atau mana-mana Orang Bersekutu tanpa mengira pangkat dan jawatan sekaligus tindakan sewajarnya dapat dilaksanakan.

*All Employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries are encouraged to **report any Bribery and Corruption offences** committed by Directors, Employees, Management Officers or any Associated Person of the Company regardless of position, so that damage control or remedial action can be taken promptly.*

- 8.2. Pengarah Syarikat atau Pekerja yang berkhidmat di Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya tanpa mengira pangkat atau status perkhidmatan termasuklah Orang Bersekutu hendaklah **mendedahkan kegiatan berbentuk Rasuah dan Suapan** tersebut menerusi Borang Google. Borang Google tersebut akan dihantar kepada Jawatankuasa Disiplin bagi tujuan semakan dan penilaian.

*Any Director, Employee or Associated Person of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries may make a **disclosure on the Bribery and Corruption** via Google Form. The Google Form will be submitted to the Disciplinary Committee for evaluation.*

- 8.3. **Polisi Pemberian Maklumat** hendaklah dilaksanakan dengan niat yang baik dan kepercayaan munasabah bahawa segala maklumat dan dakwaan yang diberikan adalah benar dan bukannya diberikan dengan niat jahat bagi memenuhi Kepentingan Peribadi.

*The **Whistleblowers Policy** must be implemented to enable person/s to raise their concerns in good faith and reasonable belief that the information*

and allegations are genuine and not made with malicious intent or for personal gain.

- 8.4. Setiap pendedahan maklumat yang diberikan akan dinilai dengan **Tahap Kerahsiaan Tertinggi** dan Nama Pemberi Maklumat juga boleh dirahsiakan dan tidak didedahkan sekiranya diminta. Individu yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan kes melibatkan Aduan tersebut hendaklah mematuhi Prosedur Kerahsiaan yang ketat sepertimana yang telahpun ditetapkan.

*Any Whistleblower and disclosure of information will be treated with the **highest confidentiality** by all persons involved, and reports may be kept anonymous if requested.*

- 8.5. Bagi melindungi Pemberi Maklumat, Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya melarang sepenuhnya sebarang bentuk **Diskriminasi, Pembalasan atau apa-apa bentuk Gangguan** ke atas Pemberi Maklumat yang menyalurkan maklumat dengan niat yang baik.

*Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries prohibit **discrimination, retaliation or harassment** of any kind against a whistleblower who submits a complaint or report in good faith.*

- 8.6. **SEKIRANYA** Pemberi Maklumat percaya bahawa terdapatnya diskriminasi, pembalasan atau gangguan akibat Pendedahan Maklumat atau Laporan yang dikemukakan, Pemberi Maklumat hendaklah **dengan kadar segera melaporkan perkara tersebut kepada Penasihat Integriti atau Pegawai yang dilantik**. Laporan tersebut hendaklah dikemukakan dengan kadar segera bagi memudahkan proses Siasatan dijalankan dan tindakan selanjutnya diambil.

***IF** a Whistleblower believes that he or she is being subjected to discrimination, retaliation or harassment for having made a report under this Policy, he or she should **immediately report the matter to the Integrity Advisor or any appointed Officer**. Reporting should be done promptly to facilitate investigation and appropriate action.*

- 8.7. Mana-mana Pekerja atau Orang Bersekutu boleh membuat Pendedahan atau Laporan dengan menggunakan saluran-saluran sepertimana jadual di bawah:-

Any Employee or Associated Person can make a disclosure or report through any of the following channels in the strictest confidence:-

Saluran Pelaporan / <i>Reporting Channel</i>	Maklumat dan Laporan mengenai perbuatan Rasuah dan Suapan yang dilakukan oleh Pekerja Syarikat <i>Information and Report relating to any act of Bribery and Corruption by an Employee of Company</i>	Maklumat dan Laporan mengenai perbuatan Rasuah dan Suapan yang dilakukan oleh Orang Bersekutu <i>Information and Report relating to any act of Bribery and Corruption by an Associated Person</i>
Melalui Emel / <i>Via Email</i>	Whistleblower@pohkong.com.	Whistleblower@pohkong.com.my
Melalui Laman Web / <i>Via Website</i>	https://www.pohkong.com.my	https://www.pohkong.com.my
Melalui Surat - Menyurat / <i>Via Correspondence</i>	Penasihat Integriti <i>Integrity Advisor</i>	

9. UNDANG-UNDANG – GOVERNING LAW

- 9.1. Berdasarkan kepada peruntukkan **Seksyen 17A (2), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Pindaan 2018]**, hukuman yang boleh dikenakan atas Sabitan di bawah Seksyen ini adalah sepertimana berikut:-

Under Section 17A (2) of Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009 [Amendment 2018], the Punishment for Conviction is as follows:-

“... (2) Mana-mana Organisasi Komersial yang **melakukan Kesalahan di bawah Seksyen ini apabila disabitkan** boleh **didenda tidak kurang daripada Sepuluh Kali Ganda** jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk Wang, atau **Satu Juta Ringgit** mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau **dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi Dua Puluh Tahun** atau **kedua-duanya...**”

*(2) Any Commercial Organization that **commits an offence under this section shall on conviction** be liable to a fine of not less than **Ten Times** the sum or value of the bribe involved, where such gratification is capable of being valued or is pecuniary in nature or **One Million Ringgit**, whichever is the higher or to **imprisonment for a term not exceeding Twenty Years or both...**”*

- 9.2. Polisi Integriti / Polisi Antirasuah akan bertindak sebagai **Pembelaan bagi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya** sebagai Organisasi Komersial untuk membuktikan bahawa Syarikat telahpun menjalankan Prosedur yang mencukupi bagi mencegah Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya termasuklah Orang Bersekutu daripada melakukan perbuatan berbentuk Rasuah / Suapan.

*The Integrity Policy / Anti-Corruption Policy is deemed as **Defence Evidence that Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries** as Commercial Organizations have implemented Adequate Procedures to prevent Employees and Associated Persons of the Company from being involved in any act of Bribery / Corruption.*

- 9.3. Sekiranya Orang Bersekutu sepertimana yang dinyatakan dalam **Seksyen 17A (3) (a) atau (b), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Pindaan 2018] didakwa**, Orang Bersekutu tersebut hendaklah mengemukakan Pembelaan dan membuktikan bahawa Kesalahan tersebut dilakukan:-

*If an Associated Person as prescribed under **Section 17A (3) (a) or (b) of Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009 [Amendment 2018]** is charged, that Associated Person must produce a Defense and prove:-*

[a] Tanpa izinnya;

The offence was committed without his consent;

[b] Orang Bersekutu telahpun melakukan **Pemeriksaan yang secukupnya** bagi mencegah berlakunya perbuatan tersebut yang seharusnya dilakukan **dalam kedudukannya** dan **berkaitan dengan keadaannya**.

*He had exercised **adequate Due Diligence** to prevent the commission of the offence in accordance with **his position and circumstances**.*

10. PEMAKAIAN POLISI INTEGRITI / POLISI ANTIRASUAH – *APPLICABILITY*

- 10.1. Polisi Integriti / Polisi Antirasuah [yang mengandungi Anti-Rasuah dan Anti-Suapan] adalah terpakai dan mengikat setiap **Pekerja Syarikat dan Orang Bersekutu**.

*This Integrity Policy / Anti-Corruption Policy [which includes Anti-Corruption and Anti-Bribery] are applicable to all **Employees of the Company and Associated Persons**.*

- 10.2. Setiap Pekerja Syarikat hendaklah hadir dan mengikuti Latihan berkaitan Polisi Integriti / Polisi Antirasuah yang dijalankan oleh Syarikat.

Every Employee is required to attend Training on the Integrity Policy / Anti-Corruption Policy conducted by the Company.

- 10.3. Setiap Pekerja Syarikat hendaklah menandatangani Salinan Akuan Penerimaan pada Polisi Integriti / Polisi Antirasuah tersebut setelah memahami sepenuhnya terma dan syarat yang terkandung dalam Polisi tersebut.

Every Employee is obligated to sign the Integrity Policy / Anti-Corruption Policy- Acknowledgement Slip to confirm that he/she fully understands all the terms and conditions prescribed in this Policy.

- 10.4. **Orang Bersekutu** termasuklah pembekal, pengedar, kontraktor, ejen dan rakan usaha sama yang bertindak bagi pihak Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya hendaklah mengakui penerimaan Polisi Integriti / Polisi Antirasuah.

***All Associated Persons** including suppliers, distributor, contractors, agents or joint venture partners acting on behalf of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries shall comply with the Integrity Policy / Anti-Corruption Policy.*

- 10.5. Orang Bersekutu juga merupakan sebahagian daripada reputasi dan nama baik Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya. Dengan demikian, Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat mempunyai **liabiliti terhadap Kegiatan Rasuah yang dijalankan oleh Orang Bersekutu** yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya. Justeru itu, penilaian yang terperinci hendaklah dijalankan dalam memilih rakan perniagaan bagi sesuatu urusanniaga.

*Poh Kong's brand and reputation extends to its Associated Persons, and Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries will be held **liable for Corrupt Activities carried out by Associated Person** who have a contractual relationship with the Company. Hence due care must be exercised in the selection of business partners.*

- 10.6. Pemeriksaan Latar Belakang Individu / Syarikat sewaktu proses pemilihan rakan perniagaan hendaklah dilaksanakan bagi mengesahkan kredibiliti dan kepakaran pihak tersebut.

The Company will conduct due diligence on any Individual / Company when selecting business partners in order to verify their credibility and expertise.

- 10.7. Rakan Perniagaan dalam sesuatu urusanniaga hendaklah menandatangani **Surat AkuJanji** bahawa mereka adalah dilarang sepenuhnya daripada melakukan perbuatan berbentuk Rasuah dan Suapan terutamanya kepada mana-mana Pegawai dalam Urusniaga Komersil sewaktu mewakili Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya dan mereka juga dilarang sepenuhnya untuk merasuah mana-mana Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya bagi mendapatkan sesuatu perniagaan.

*These Business Partners must then sign a **Letter of Undertaking** that they are prohibited from committing any act of Bribery and Corruption in any commercial dealing when representing Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries, and they are further prohibited from bribing an Employee of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries in order to obtain business.*

- 10.8. Sekiranya mereka didapati bersalah kerana melakukan perbuatan berbentuk Rasuah dan Suapan, mereka akan dijatuhi hukuman sepertimana yang diperuntukkan akibat sabitan bersalah tersebut dan Syarikat-Syarikat ini [termasuklah Pemilik Syarikat] akan **dilarang sepenuhnya daripada berurusniaga dengan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya bagi tempoh Sepuluh (10) Tahun.**
- If they are found guilty of committing any offence of Bribery or Corruption, in addition to the penalty imposed on them, **these companies and owners will be banned from dealing with Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries for a period of Ten (10) years.***

11. PEMBERITAHUAN - NOTIFICATION

- 11.1. Polisi Integriti / Polisi Antirasuah ini adalah sulit dan untuk digunakan secara khusus oleh Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya sahaja. Polisi Integriti / Polisi Antirasuah ini atau maklumat yang terkandung di dalamnya tidak sekali-kali boleh diedarkan, dicetak semula atau dikeluarkan semula dalam apa-apa bentuk **tanpa mendapat Kebenaran Bertulis** daripada Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikatnya.

*The Integrity Policy / Anti-Corruption Policy is Private / Confidential and can only be used by Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries. No party is allowed to distribute, copy or reprint this Policy **without Written Approval** from Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries.*